

NO. SOALAN: 44

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
[PASIR PUTEH]**

TARIKH : 8 APRIL 2015 (RABU)

SOALAN :

Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan. Apakah komitmen yang akan diberi oleh Kerajaan pusat dalam menjayakan pelaksanaannya.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedia maklum berkenaan hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan undang-undang jenayah Syariah. Oleh itu sebelum hasrat berkenaan dapat dilaksanakan, peruntukan undang-undang sedia ada perlu diteliti bagi memastikan pelaksanaan undang-undang tersebut

selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri perlu memberi perhatian terhadap penggubalan undang-undang jenayah Syariah yang komprehensif agar dapat memenuhi prinsip-prinsip keadilan dan kesaksamaan dalam penghukuman.

Kerajaan Persekutuan juga sentiasa berusaha bagi memastikan undang-undang jenayah Syariah dilaksanakan termasuk memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah, menaik taraf sistem kehakiman Syariah dan menyemak semula kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah.

Selain itu, penubuhan Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Jenayah Syariah Peringkat Persekutuan adalah bagi memastikan pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah dapat dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.